

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 MARCH 2015

POTA bukan untuk tujuan politik – Najib

UM - 26/3/2015

KUALA LUMPUR 25 Mac - Rang Undang-undang Antikeganasan (POTA) yang akan dibentangkan dalam masa terdekat di Dewan Rakyat, tidak bermotifkan politik sebagaimana dakwaan pembangkang, sebaliknya bertujuan mencegah elemen ekstremisme.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membuat jaminan tersebut berkata, bukti keikhlasan kerajaan terserlah apabila pengurusan akta baharu itu nanti tidak diletak di bawah anggota pentadbiran, sebaliknya oleh badan khas.

Jelas beliau, undang-undang tersebut perlu untuk membolehkan pihak berkuasa bertindak dengan lebih efisien bagi mencegah sebarang bentuk keganasan seperti yang dilakukan kumpulan militan Negara Islam (IS) daripada merebak ke negara ini.

“Undang-undang baharu ini tidak digunakan untuk politik. Kuasa menahan bukan di bawah badan pentadbiran, kita letak di bawah badan berwibawa serta berintegriti supaya mereka yang benar-benar terlibat dalam keganasan boleh ditahan.

“Mencegah lebih baik daripada merawat dan itu menjadi pegangan kerajaan dalam mencegah elemen keganasan. Sebab itu kita akan membentangkan POTA ini,” katanya semasa berucap pada majlis Sambutan Hari Polis Ke-

208 di sini hari ini.

Meskipun terdapat beberapa pihak mengkritik langkah melaksanakan undang-undang baharu itu, Najib menegaskan, sebagai kerajaan, pencegahan perlu dilakukan lebih awal untuk mengelak sesuatu berlaku kepada negara.

Katanya, jika sesuatu keganasan sudah berlaku baharu kerajaan mahu bertindak, ketika itu semuanya sudah terlambat kerana sebaik sahaja terjadinya elemen keganasan, pasti ramai dalam kalangan rakyat menjadi korban.

“Kita hendak jaga sebelum sesuatu berlaku kepada negara. Itu lebih baik daripada seseorang atau kumpulan itu melakukan keganasan (baru hendak bertindak) kerana jika itu berlaku, ramai rakyat akan terkorban,” katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) menangani segera perbuatan menyalahgunakan media sosial dengan membangkitkan pelbagai sentimen sehingga memecah-belahkan masyarakat.

Ujarnya, PDRM harus fleksibel dan mempelbagaikan kaedah dalam mengambil tindakan kerana cabaran yang terpaksa dihadapi ekoran ledakan daripada penggunaan media sosial semakin hari semakin rumit.